

Peserta perbarisan meningkat

Hampir 20,000
dijangka terlibat
perarakan di
Dataran Merdeka

KUALA LUMPUR

Jumlah peserta bagi acara perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 pada Rabu, kini meningkat kepada hampir 20,000 orang, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa. Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 berkata, jumlah itu meningkat berbanding hampir 16,000 peserta sebelum ini, bagi memenuhi permintaan pelbagai pihak yang ingin menyertai sambutan hari bersejarah itu di lokasi utama di Dataran Merdeka di sini.

"Kita bermula dengan 10,000 peserta kemudian naik kepada 16,000 peserta dan sekarang kita terpaksa memenuhi banyak permintaan dan kini yang terlibat dalam perarakan kita ini hampir 20,000 peserta.

"Nampaknya sambutan luar biasa, memang jelas. Malah bilangan peserta dan aset ini adalah terbesar pernah kita lakukan termasuk sambutan orang ramai di semua peringkat termasuk kerajaan negeri, penguat kuasa tempatan malah komuniti," katanya kepada pemberita selepas meninjau raptai penuh acara perbarisan dan perarakan itu pada Isnin.

Annuar berpuas hati dengan raptai penuh yang dijalankan dan berharap ia dapat dikekalkan pada sambutan Hari Kebangsaan 2022, 31 Ogos ini.

Beliau turut menasihatkan orang ramai yang ingin menyaksikan acara perbarisan dan perarakan itu hadir lebih awal sebelum 7.30 pagi bagi mengelakkan kesesakan susulan beberapa jalan raya ditutup.

"Saya ucapkan terima kasih kepada semua kontinjen yang



FOTO:BERNAMA

Suasana sekitar Dataran Merdeka ketika berlangsungnya sesi raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2022 pada Isnin.

telah mengadakan latihan dan para peserta yang menunjukkan pertunjukan yang baik termasuk artis, atlet dan sebagainya.

"Saya berharap mood ini bukan sahaja pada acara perarakan 31 Ogos. Kita tetapkan sambutan kali ini mestilah sambutan rakyat disusuli dengan di tempat masing-masing termasuk di rumah dan komuniti masing-masing," katanya.

Hari Kebangsaan 2022 bertema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' bakal disambut Rabu ini di Dataran Merdeka dengan sasaran pengunjungan seramai

50,000 selepas dua tahun negara tidak mengadakan sambutan berkenaan secara besar-besaran berikutan Covid-19.

Pelbagai acara menarik telah diatur bagi menyemarakkan sambutan tahun ini termasuk keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta kuda diraja dari Menara DBKL ke Dataran Merdeka. - Bernama

Kenali Jata Negara MALAYSIA

Lambang rasmi kerajaan Malaysia

Diperkenankan Raja-raja Melayu & diwartakan pada 27 Mei 1952

Reka bentuknya diusahakan Jabatan Ukur menggunakan 6 warna

LAMBANG & MAKSUD

Bintang pecah 14
Menandakan 13 negeri & Kerajaan Persekutuan

Bintang bersama anak bulan
Lambang agama Islam sebagai agama rasmi

5 bilah keris
Lambang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu:
• Johor • Kedah • Perlis • Kelantan • Terengganu

Imej pokok Melaka (pada kanan perisai)
Melambangkan negeri Melaka

Imej pokok Pinang & Jambatan Pulau Pinang (pada kiri perisai)
Melambangkan negeri Pulau Pinang

2 ekor harimau (pada kiri & kanan perisai)
Simbol keberanian, kegagahan & kekuatan

3 kotak bahagian bawah perisai
• Menandakan negeri Sabah (kiri)
• Sarawak (kanan)
• Bunga raya sebagai bunga kebangsaan (tengah)



Cogan Bersekutu Bertambah Mutu

- Ditulis dalam tulisan rumi & jawi
- Cogan kata Jata Negara
- Warna kuning pada awan-awan melambangkan warna Diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja